



PERCUMA 14 -21 September 2012, 27 Syawal - 5 Zulkaedah 1433



Majlis Raja-Raja naungi Universiti Islam Malaysia

muka 7

Majoriti penduduk Ijok mahu PR perintah Selangor

muka 4

Penguat kuasa berat sebelah, halalkan tindakan samseng Umno-BN

muka 4



UKHUWAH...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyampaikan cenderahati kepada Menteri Kesihatan Gaza-Palestin, Dr Basem Naim dalam majlis makan malam sempena lawatan delegasi Palestin ke Selangor yang diadakan di Hadramot Restaurant, Hotel Concorde Shah Alam. Di samping mengukuhkan hubungan dua hala Selangor-Palestin, perjumpaan itu adalah sokongan penuh terhadap usaha Kerajaan Palestin membangunkan negaranya.

BERITA LANJUT MUKA 6

SYABAS lewat punca pangsapuri tidak dapat bekalan air percuma

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Punca segelintir rakyat Selangor masih tidak menikmati air percuma adalah sikap Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) yang melengahkan penukaran meter air di pangsapuri.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan, Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Abdul Samad, berkata kerajaan negeri telah berkali-kali memaklumkan kepada Syabas perkara ini, tetapi kerja-kerja penukaran masih tidak berlaku

INFO TERKINI AIR PERCUMA SELANGOR (pangsapuri kos rendah)

Sudah terima	163,970 unit
Belum terima	3,147 unit

dengan cepat.

Untuk menikmati air percuma, pengguna hendaklah memiliki meter air individu. Meter air yang dipasang di pangsapuri kebanyakannya adalah

meter pukal.

Penyelenggaraan dan operasi meter air adalah tanggungjawab Syabas selaku syarikat yang diberi tanggungjawab mengurus bekalan air terawat di Selangor.

Oleh sebab itu, 3,147 unit rumah kos rendah masih tidak mendapat air percuma di seluruh Selangor.

Walau bagaimanapun, jumlah tersebut kecil berbanding dengan 163,970 unit rumah kos rendah yang sudah menikmati perkhidmatan itu.

Jumlah pangsapuri yang menikmati air percuma dipercayai meningkat selepas Kerajaan Negeri memperkenalkan tiga lagi cara lain untuk mendapat perkhidmatan tersebut.

Tiga cara tersebut adalah skim 'lapor dan dapat', baucar

dan kupon rebat subsidi air. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata penukaran meter pukal kepada meter individu tidak memerlukan kos yang tinggi.

"Ia cuma memerlukan persetujuan daripada penghuni dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) setuju untuk membebankan penukaran dilakukan.

"Kadang-kadang sesetengah orang tidak faham mengenai perkara ini," kata Abdul Khalid baru-baru.

lihat muka 2

Kerajaan Negeri masih berkuasa ke atas Langkat 2

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberi peringatan kepada syarikat pemaju dan Kerajaan Pusat bahawa Kerajaan Selangor masih mempunyai kuasa dalam projek Loji Rawatan Air Langkat 2 yang kini diteruskan walaupun tidak mendapat persetujuan negeri.

Abdul Khalid berkata, kuasa itu antara lainnya merujuk kepada kebenaran memasuki tapak projek, selain memberi kebenaran merancang bagi projek tersebut.

"Kerajaan Negeri memiliki kuasa-kuasa tertentu yang termaktub dalam Perlembagaan dan Kanun Tanah Negara mengenai tanggungjawabnya.

"Kerajaan Negeri akan mengingatkan bahawatangjawab ini akan dijaga sepenuhnya oleh Selangor," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco, di sini.

Tambahnya, beliau turut meminta pandangan Penasihat Undang-undang Negeri dan peguam yang dilantik untuk membuat satu kenyataan undang-



Kerajaan Negeri mempunyai hak dan kuasa dalam projek Langkat 2

undang berhubung perkara itu tidak lama lagi.

Beliau berkata, ia bertujuan memberitahu rakyat tentang bidang kuasa yang dimiliki Kerajaan Negeri supaya mana-mana pemaju yang ingin menyertai tender tersebut sedar akan tanggungjawab mereka.

"Ini bukan satu amaran, tetapi sekadar peringatan kepada mana-mana pihak yang ingin menyertai tender tersebut.

"Ini untuk membolehkan mereka yang akan menyertai tender yang dibuka oleh Kerajaan Persekutuan (menyedari) tanggungjawab dan tanggungan ke-

tika berhadapan dengan Kerajaan Negeri," katanya lagi.

Kerajaan Pusat mengumumkan bahawa tender bagi Loji Rawatan Air Langkat 2 dibuka walaupun gagal untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri bagi meneruskan projek bernilai RM6 bilion itu.

Notis yang dimuatkan di laman Syarikat Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) - sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan - menyatakan tarikh tutup tawaran tender itu ialah pada 20 November dengan dokumen tender berharga RM10,000.

Air percuma: MB tidak halang rakyat bawa ke mahkamah

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tidak menghalang sekiranya pengguna air di pangsapuri negeri ini mahu memfailkan saman berhubung kegagalan menerima subsidi air percuma yang diberikan kepada semua rakyat.

Mengulas lanjut isu tuntutan saman yang difailkan 711 pengguna air, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, ia merupakan satu kes percubaan yang akan memberikan pandangan mengenai kebajikan rakyat.

Katanya, dengan saman ini membolehkan Kerajaan Negeri mengetahui masih terdapat rakyat yang tidak menikmati air percuma kerana tidak mengikut

syarat yang ditetapkan.

"Sekiranya seseorang tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, ia boleh dibenarkan untuk menerima peruntukkan? Itu pihak mahkamah boleh berikan jawapan.

"Penukaran meter pukal kepada meter individu tidak memerlukan kos yang tinggi, ia cuma memerlukan persetujuan daripada penghuni dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) setuju untuk membenarkan penukaran dilakukan," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, di SUK.

Sebelum ini, seramai 711 pengguna air memfailkan saman menuntut ganti rugi hampir RM500,000 terhadap tiga pihak, termasuk Abdul Khalid, atas kegagalan menerima subsidi air percuma di bawah Skim Kerajaan Negeri.

Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri sedia maklum pemberian air percuma hanya diberikan kepada penghuni yang mempunyai meter individu.

"Oleh kerana itu, saya sudah maklumkan penghuni supaya cepat menukarkan meter pukal kepada meter individu supaya dapat menikmati pemberian ini.

"Kadang-kadang sesetengah orang tidak faham mengenai perkara ini," katanya.

Penukaran meter pukal kepada meter individu tidak memerlukan kos yang tinggi, ia cuma memerlukan persetujuan daripada penghuni dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) setuju untuk membenarkan penukaran dilakukan

- ABDUL KHALID
Menteri Besar Selangor

dari muka depan

Tidak dapat air percuma sebab tidak ikut syarat

Pada 11 Sept lalu, seramai 711 penduduk Selangor memfailkan saman terhadap Kerajaan Negeri bagi menuntut perkhidmatan air percuma yang mereka dakwa tidak diterima selama empat tahun.

Mengulas tindakan mahkamah tersebut, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid berkata ia merupakan satu kes percubaan yang akan memberikan pandangan mengenai kebajikan rakyat.

Kata Abdul Khalid, saman ini membolehkan Kerajaan Negeri mengetahui masih terdapat rakyat yang tidak menikmati air percuma kerana tidak mengikut syarat yang ditetapkan.

"Sekiranya seseorang tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, ia boleh dibenarkan untuk menerima peruntukkan? Itu pihak mahkamah boleh berikan jawapan," kata Abdul Khalid.



PRIHATIN...

Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, bersama Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) yang diketuai Syed Ibrahim Syed Noh dan Sekretariat GMI, Syukri Razak, menziarahi bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang baru dibebaskan menjelang hari raya, Mohammad Fadzullah Abdul Razak (baju hijau) di rumah keluarganya di Sungai Buloh

Laporan audit UNISEL belum diselaras, Noh tak faham akaun

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Laporan audit kewangan Universiti Selangor (Unisel) yang didakwa mengalami kerugian selepas cukai kira-kira RM54.8 juta bagi tempoh 2008 hingga 2010 adalah laporan audit yang belum diselaras lagi.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, laporan audit kewangan terbabit akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan

(AGM) akan datang.

Katanya, ia sepatutnya diselaras pada Jun lalu, bagi manapun kerana terdapat akaun yang tidak dapat diselaras, maka ia perlu mengambil masa.

"Kita lihat akaun Unisel, ia mengalami kos yang tinggi sebab pembiayaan untuk pembinaan itu dibiayai syarikat yang memiliki Unisel.

"Oleh itu, saya menyusun semula syarikat yang memiliki operasi Unisel supaya aset-aset se-

perti bangunan asrama dan harta yang dimiliki Unisel yang masih berhutang di bank.

"Kita juga dalam proses untuk mengambil alih aset-aset itu, jika aset-aset itu diambil alih maka beban kos akan berkurangan," katanya dalam sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan penjawat awam di SUK, di sini.

Jelasnya, Kerajaan Negeri tidak gentar dengan pendedahan yang dibuat Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor,

Datuk Seri Noh Omar berhubung isu itu.

"Akaun itu belum diluluskan, kita lihat dari kajian ia tidak tinggi dan tidak rendah. Jadi kalau Noh mahu dedahkan akaun itu, kita tidak takut sebab Kerajaan Negeri mengamalkan ketelusan, boleh jadi Noh tidak faham mengenai kos itu," katanya.

Noh mendedahkan laporan audit kewangan Unisel yang menunjukkan universiti itu mengalami kerugian selepas cukai kira-kira RM54.8 juta bagi tem-

poh tiga tahun sejak Pakatan Rakyat (PR) memerintah Selangor pada 2008.

Katanya, berdasarkan salinan Laporan Audit Unisel bagi 2009-2010, universiti yang ditadbir Kerajaan Negeri Selangor itu menunjukkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.63 juta pada 2008, RM13.55 juta (2009) dan RM39.68 juta pada 2010.

Noh berkata, laporan audit 2009 dan 2010 itu ditandatangani sendiri Abdul Khalid pada Ogos 2011.

Kutipan derma RM12,000 diserahkan bagi bantu wanita Palestin

SHAH ALAM - Sejumlah RM12,000 yang dikutip daripada orang ramai didermakan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) Aqsa Syarif bagi membantu projek Pembangunan Pusat Komuniti Wanita di Palestin.

Derma itu disumbangkan orang ramai semasa Program Pemberdayaan Wanita Selangor pada bulan Ramadan lepas yang dianjurkan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Aqsa Syarif, berkenaan usaha membantu rakyat Palestin, khususnya wanita.

Kutipan derma itu diserahkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, kepada Pengarah Operasi Aqsa Syarif, Sharifah Mahiza Abd Kadir di Pejabat Exco, di Bangunan SUK.

"Saya yakin walaupun jumlah RM12,000 ini kecil, namun harapannya agar wanita di Selangor dapat melonjakkan aktivisme dalam membantu rakyat Palestin di sana dan semoga semangat untuk sumbangan ini berterusan," kata Rodziah.

Jelas Rodziah, lebih 70 peratus penduduk Palestin tinggal sebagai pelarian, justeru beliau mengharapkan lebih banyak NGO dan orang ramai tampil bagi terus menyampaikan sumbangan kewangan.

Ujar Rodziah lagi, Kerajaan Selangor akan terus memperkukuhkan hubungan kerjasama ini bagi membantu wanita di Palestin memperbaiki kehidupan.

"Kita akan terus mensinergikan kerjasama dengan semua NGO, dengan membuka ruang kepada NGO bukan Islam, diharap ia akan disam-



Rodziah menyerahkan sumbangan kepada kepada Pengarah Operasi Aqsa Syarif, Sharifah Mahiza

but dalam usaha perjuangan kepada rakyat Palestin," katanya.

Sementara itu, Sharifah Mahiza berkata, dana ini akan digunakan sebaik mungkin dalam menampung sebarang kekurangan kepada pembangunan projek pusat komuniti wanita itu di Palestin.

"Pusat Komuniti ini bertujuan memperkasakan wanita Palestin bagi mengatasi masalah kewangan dengan menyediakan peluang kerja.

"Projek pertama di sana hampir siap dan pusat komuniti akan beroperasi sedikit masa lagi dan kita sedang merancang untuk pusat komuniti kedua di Gaza," ujarnya.

Projek 'Rose to Rose' merupakan salah satu projek Aqsa Syarif dengan beberapa NGO Wanita Islam di Gaza yang memberi peluang kepada

Info

Orang ramai yang ingin menyumbang hubungi Ibu Pejabat Aqsa Syarif di talian **03-8733 4636** atau layari :
<http://aqstasyarif.org.my>
atau
<https://facebook.com/aqsa.syarif>

wanita Palestin untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Objektif projek pusat komuniti wanita Palestin antaranya adalah membina jati diri, melatih kemahiran hidup, kesihatan, pusat kaunseling, fiqh wanita dan mewujudkan kerja khusus untuk wanita.

Unisel beri fokus jadi universiti terbaik

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) diingatkan supaya terus memberi fokus untuk menjadi universiti terbaik, meskipun dilanda pelbagai kontroversi sejak belakangan ini.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali (**gambar**) berkata, pentadbiran Unisel kini berjalan lancar dan sudah menerima kemasukan pelajar lebih 12,000 orang.

Menurutnya, segala bebanan hutang yang terpaksa ditanggung universiti itu sebelum ini juga kini sedang diambil alih Kerajaan Negeri.

"Unisel ini dahulunya pada tahun 2005 membina hostel dan mengambil bon berjumlah RM150 juta. Dari segi pengoperasian, Unisel boleh diuruskan, di mana mereka tidak mengalami keuntungan mahupun kerugian.

"Apa yang ditanggung Unisel sekarang ialah penambahan faedah. Tetapi Kerajaan Negeri ambil hutang itu dan Unisel tidak lagi terbeban," katanya.

Dr Halimah berkata demikian sebagai respons kepada pendedahan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar baru-baru ini berhubung kerugian yang dialami Unisel bagi tempoh tiga tahun sejak Pakatan Rakyat (PR) memerintah Selangor pada 2008.

Menurut Noh, berdasarkan salinan Laporan Audit Unisel bagi 2009-2010, universiti yang ditadbir Kerajaan Negeri itu menunjukkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.63 juta pada 2008, RM13.55 juta (2009) dan RM39.68 juta pada 2010.

Bagaimanapun kenyataan itu disangkal Dr Halimah dengan mengatakan bahawa ia sengaja ditimbulkan pimpinan Umno-BN untuk meraih publisiti.

Apa yang ditanggung Unisel sekarang ialah penambahan faedah. Tetapi Kerajaan Negeri ambil hutang itu dan Unisel tidak lagi terbeban

- DR HALIMAH
Exco Pendidikan,
Pendidikan Tinggi
dan Pembangunan
Modal Insan

FGVH terus merundum peneroka rugi

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Peneroka Felda yang memiliki Saham Felda Global Ventures (FGVH) berhadapan kerugian jika saham syarikat itu jatuh pada harga RM4.70 seunit.

Sebelum ini, saham FGVH diniagakan tidak menentu di bawah harga psikologi RM5.00 apabila mencatat harga paling rendah di tahap RM4.57 pada 10 September lepas, menghampiri harga tawaran pemulaannya pada RM4.55.

Trend ini berterusan walaupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus meningkatkan pegangannya daripada lima peratus kepada 6.8 peratus.

Pengerusi Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman berkata, walaupun saham FGVH disenaraikan pada RM4.55 dan naik kepada RM5.33, tetapi dalam tempoh yang begitu singkat saham ini mula menurun.



BUKTI... carta menunjukkan saham FGVH terus jatuh sejak ia dilancarkan

Kejatuhan saham FGVH dianggap terlalu cepat berbanding saham-saham lain seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Saham Negeri-negeri yang hanya ja-

tuh dalam tempoh empat sehingga lima bulan.

"Sebab bila rugi ia akan ditanggung pemegang saham yang sahamnya dibeli

dalam bentuk pinjaman, di mana peminjam perlu membayar kadar faedahnya lima peratus, apakah peneroka-peneroka Felda itu mampu untuk menampung risiko," kata Mazlan ketika dihubungi Selangor Kini.

Justeru, Mazlan bertegas akan mengemukakan himpunan besar-besaran jika saham FGVH terus menjunam sehingga paras RM4.00 seunit.

Dalam pada itu, pihak 'Anak' akan menulis surat kepada Yang Dipertuan Agong untuk mendapatkan maklum balas berkenaan memorandum yang dihantar oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik semasa Himpunan Oren pada 14 Julai lepas.

"Kita mahu mengetahui sejauh mana pendirian Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu dalam hal ini.

"Dan kita yakin pihak Raja-Raja Melayu prihatin dan bimbang dengan perkembangan yang berlaku di Felda," katanya.

Penguat kuasa berat sebelah, halalkan tindakan samseng Umno-BN

CHERAS - Keganasan samseng Umno-BN terhadap pemimpin Pakatan Rakyat (PR) yang dibiarkan agensi penguat kuasa, bukti jelas undang-undang negara ini tidak lagi dihormati.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tiada tindakan yang diambil terhadap samseng Umno-BN walaupun terdapat bukti gambar dan video yang jelas tentang tindak-tanduk mereka.

"Kita boleh tengok gangster Umno pecahkan kereta, 'kencing' gambar (Menteri Besar Kelantan Datuk) Nik Aziz (Nik Mat), baling batu kepada bas, terang-terang ada bukti video dan gambar, tetapi ada satu tindakan diambil kepada mereka... tiada?" soalnya.

Dakwanya, undang-undang bawah Kerajaan Umno-BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak bersifat berat sebelah kerana membela tindakan yang secara jelas melanggar undang-undang.

Akan tetapi, mereka yang didakwa menghina pemimpin Umno-BN ditahan dan dihukum seperti pemuda yang

memijak gambar Najib dalam satu himpunan pada 30 Ogos.

"Bila pijak gambar Najib, ini merupakan dosa besar. Tetapi bila baling kasut di masjid, tiada salah, ini merupakan 'law of the jungle,'" ujar Anwar.

Terbaru, bas Jelajah Merdeka Rakyat yang dinaiki Anwar dan pimpinan PKR ke Jasin, Melaka, dibaling batu dan disimbah cat merah oleh sekumpulan samseng yang didakwa didalangi Pemuda Umno kawasan tersebut.

Sebelum itu, seorang lelaki yang dipercayai daripada pertubuhan ekstremis Melayu Perkasa, cuba menghampiri Anwar semasa satu majlis di sebuah masjid di Alor Star, Kedah.

Malah, gambar muka samseng daripada kedua-dua insiden tersebut



Penyokong Umno-BN Melaka bertindak sembrono ke atas bas Jelajah Merdeka Rakyat yang dinaiki Anwar

dimuat naik ke laman sosial Facebook, namun tiada tindakan diambil walaupun laporan polis telah dibuat.

"Mereka mensensasikan pegawai peribadi saya membawa pistol, tetapi saya dibaling batu dan keganasan gangster-gangster Umno ini tidak di-siarkan," tegasnya.

Ketika mengulas perkara itu, Anwar berkata, pegawai peribadinya mempunyai lesen senjata api dan bertindak mengikut prosedur yang dibenarkan (SOP) bagi mengawal keadaan tegang ketika kejadian di Jasin.

FOMCA: Kenaikan Ron 97 jejas pengguna

SHAH ALAM - Kerajaan Pusat perlu meneliti semula kenaikan harga petrol gred RON97 sebanyak RM0.30 yang diumumkan baru-baru ini.

Penurunan ini perlu bagi mengurangkan bebanan orang ramai untuk menanggung kos sara hidup yang makin meningkat kini.

Pengarah Komunikasi Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusoff Abdul Rahman berkata, kenaikan ini akan memberi kesan kepada golongan tertentu, terutama mereka yang menggunakan kenderaan berkuasa tinggi.

Menurutnya, tindakan Kerajaan Pusat menaikkan harga petrol memberi kesan kepada peningkatan kos pengangkutan, ditambah dengan kenaikan harga barangan yang semakin serius sejak kebelakangan ini.

"Walaupun kita mendapati ramai yang menggunakan Ron 95, tetapi ramai juga yang beralih ke Ron 97 kerana mendapati kualitinya lebih baik untuk perjalanan jauh.

"Ini menyebabkan kos perjalanan atau pengangkutan meningkat. Saya berharap Kerajaan Pusat perlu melakukan sesuatu supaya ia tidak memberi kesan kepada masyarakat secara keseluruhannya untuk jangka masa panjang," katanya.

Beliau berkata, pengguna juga harus bijak mengatur perbelanjaan supaya tidak terlalu terbeban dengan kenaikan harga petrol serta harga barang di pasaran.

Menurutnya, peningkatan harga petrol dan harga barang tidak dinafikan mula memberi kesan terutama bagi golongan berpendapatan rendah.

"Kesannya memang mula dirasai. Saya sarankan Kerajaan Pusat perlu ambil tindakan untuk mengurangkan kesan kepada pengguna," katanya lagi.

Untuk kali kedua dalam tempoh kurang sebulan, Kerajaan Pusat secara senyap-senyap menaikkan harga petrol gred RON97 kepada RM0.30 menjadikan harganya mencecah RM3 seliter.

Kali terakhir pengumuman rasmi dibuat ialah pada bulan Julai apabila Menteri Kewangan Kedua, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah mengumumkan pengurangan RM0.20 harga seliter.



Rombongan Anwar disambut dengan kata-kata hinaan dan cacian

Rakyat terkejut petrol Ron 97 naik tanpa diumumkan menteri

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Ada yang terkejut dan ada yang tidak pernah langsung mendengar sebarang berita pengumuman oleh pihak kerajaan dan menteri berhubung kenaikan harga petrol Ron 97 kepada RM0.30 berkuat kuasa 5 September lalu, menjadikan ia berharga RM3.00 seliter.

Reaksi ini diterima wartawan Selangor Kini di sekitar Shah Alam berkenaan isu yang diutarakan.

Menurut Roslan Husin, 52, beliau langsung tidak tahu menahu berhubung kenaikan itu kerana tiada sebarang pengumuman



Iskandar Che Soh

rasmii oleh menteri, tidak seperti harga Ron 97 diturunkan sebanyak RM0.20 pada 5 Julai.

Malahan beliau bagaikan tidak percaya harganya sudah naik walaupun sudah beberapa



Shahrul Sarni

hari perkara itu berlaku.

"Kerajaan tidak patut berbuat demikian. Sepatutnya hal kenaikan ini diumumkan agar rakyat mengetahu. Kerajaan sepatutnya apabila hendak tu-

runkan atau naikan harga, perlu diumumkan kepada rakyat," ujar Roslan.

Hal demikian juga diperse- tujui Iskandar Che Soh, 31, yang menyatakan kenaikan sebanyak RM0.30 itu akan membebaskan rakyat walaupun beliau tidak menggunakannya kerana harga bagi petrol Ron 97 adalah di luar kemampuannya.

"Rakyat akan menjadi beban kepada kenaikan ini kerana harga barang juga akan ditakuti naik juga," katanya.

Menurut Shahrul Sarni, 32, kerajaan sepatutnya memberikan penjelasan yang munasabah kepada sebarang kenaikan

harga petrol kerana kenaikan tanpa pengumuman, seolah-olah satu 'serangan hendap' terhadap kewangan rakyat.

"Saya tidak setuju dengan kenaikan ini kerana yang pastinya rakyat akan terus dibebani dengan kenaikan-kenaikan lain yang akan lebih menyusah-kan rakyat seluruhnya," jelas beliau.

Sejak 16 Julai 2010, petrol Ron 97 sudah mengalami kenaikan sebanyak sembilan kali pada harga RM2.10 dan hanya dua kali penurunan harga.

Kali terakhir petrol Ron 97 turun adalah pada 5 Julai lepas, iaitu sebanyak RM0.20.

Bentang audit NFC sebelum pertikai audit Talam

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mencabar, Datuk Chua Tee Yong untuk membentangkan laporan audit dan kertas putih melibatkan projek kontroversi Pusat Fidlot Nasional (NFC) kepada umum.

Cabaran itu disuarakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai respons kepada kenyataan Chua yang mempersoalkan kredibiliti badan audit bebas antarabangsa, KPMG Transaction and Restructuring Sdn Bhd berhubung isu Talam.

Beliau berkata, sekiranya Chua yang juga Ketua Biro Muda Profesional MCA berani mendedahkan laporan audit NFC, maka Kerajaan Negeri tidak keberatan membuat perkara sama berhubung penyusunan semula hutang Talam Corporation.

"Umno-BN boleh panggil kita bila-bila masa sahaja untuk beri keterangan lanjut berhubung perkara ini. Malah, Kerajaan Negeri tidak akan keberatan untuk aturkan pertemuan pimpinan Umno-BN bersama juruaudit yang dilantik supaya mereka benar-benar faham," kata Abdul Khalid

kepada pemberita.

Abdul Khalid berkata, laporan dan aduan MCA terhadap isu Talam juga dianggap sebagai tidak relevan dan boleh diabaikan.

Beliau berkata, juruaudit bebas yang dilantik itu juga dengan jelas menunjukkan langkah yang dibuat Kerajaan Negeri bagi mengutip semula hutang adalah munasabah dan terbaik.

"Saya minta empat wakil negeri untuk menjadi jurucakap berhubung isu ini. Jadi baik Umno atau MCA boleh pilih sesiapa sahaja yang mereka suka untuk beri penerangan.

"Kerajaan Negeri berhak mengutip semula hutang itu tanpa ada sebarang diskaun. MCA perlu baca dan fahamkan kenyataan itu sebelum membuat sebarang dakwaan," katanya lagi.

Beliau turut menjelaskan, perkara itu membuktikan usaha Kerajaan Negeri mengutip sejumlah RM392 juta hutang daripada Talam dilaksanakan dengan tertib dan mengikut undang-undang demi menjaga kepentingan negeri dan rakyat Selangor.

CASCADES

KOTA DAMANSARA

UNIT BUMIPUTERA TERHAD SAHAJA

RESIDENSI
KORPORAT

KUNJUNGI KAMI DI
SOLARIS, MONT'KIARA, BLOCK J, LEVEL 8 (SOHO KL)
PEJABAT JUALAN MEMBUKA ISNIN - JUMAAT (8.45PG - 5.45PTG)


- Hanya 700 meter dari stesen MRT cadangan.
- Terletak di kawasan komersial Kota Damansara dan dihubungkan dengan lebuh raya utama seperti LDP, Penchala Link dan NKVE.
- Perbandaran matang dengan kemudahan seperti Pasaraya Giant, Sunway Giza, IKEA, The Curve, Pusat Membeli-belah 1 Utama, Tropicana Golf & Country Club, Pusat Perubatan Tropicana dan Kolej Segi.

Promosi Istimewa

- Diskaun bumiputera: Korporat 10% / Residensi 7%
- Bayaran pendahuluan hanya 5%*
- Tanpa faedah semasa pembinaan*
- Bayaran guaman SPA ditanggung oleh pemaju*

Mitraland Kota Damansara Sdn Bhd (879551-H) J-8-13 to 16, No. 2, Jalan Solaris, Solaris Mont'Kiara, 50480 Kuala Lumpur. T: 603 6204 0828 / 016 401 2116 F: 603 4204 0848 E: enquiries@cascade-kd.com.my www.cascade-kd.com.my
 Cascades Residensi Lesen Permaju: 11439-1/12-2015/1428 (Tarikh Sahaja: 16/12/2010 - 15/12/2011) • Permis Nian: 114391/2802/2012 (12) (Tempoh Sahaja: 29/12/2011 - 28/12/2012) • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Pelan Bangunan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Kelulusan Pelan: MBP/12/2010/1P/12/1790/2010 • Tarikh Siap: Januari 2014 • Pegangan Tanah: 01/001/2/364 • Hakmilik tanah: Dipajak kepada Affin Berhad Bank • Jumlah Unit: 37 • Harga Minima: RM441, 870 • Harga maksima: RM849, 420 • Diskaun 7% untuk Bumiputera • Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau dijual melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa. * Tertakluk kepada terma dan syarat

65.95 % penduduk Ijok mahu PR perintah Selangor



SHAH ALAM - Sejak pentadbiran negeri bertukar tangan kepada Pakatan Rakyat (PR) pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke -12 lalu, serangan demi serangan mula dihalakan kepada Kerajaan Negeri yang dipimpin, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pelbagai cara dibuat untuk menampakkan kelemahan Abdul Khalid sehinggalah beliau didakwa sudah tidak mendapat sokongan daripada masyarakat di DUN Ijok yang diwakilinya sendiri.

Bagi mendapat gambaran sebenar, wartawan mengambil inisiatif turun sendiri ke Ijok bagi menemui penduduk dan mendapatkan maklum balas berhubung pandangan mereka

terhadap Abdul Khalid sebagai wakil rakyat kawasan mereka dan prestasi Kerajaan Negeri pimpinannya.

Menurut laporan tinjauan rambang itu, meskipun Kerajaan Negeri tidak putus-putus diujani serangan, 65.95 peratus masyarakat Ijok mendakwa berpuas hati dengan prestasi Kerajaan Negeri yang ada sekarang dan mahu ia kekal mentadbir Selangor.

Sementara itu, dalam laporan kaji selidik yang sama, sebanyak 55.31 peratus turut berpuas hati dengan prestasi Adun Ijok, berbanding 31.91 peratus tidak berpuas hati dan 8.51 peratus lagi tidak pasti.

Kajian tersebut juga mendapati sokongan tertinggi ter-

hadap Kerajaan Negeri di DUN Ijok adalah daripada kaum Melayu, diikuti kaum Cina dan kemudiannya kaum India.

Selain itu, seramai 40 responden berjaya menjawab dengan tepat, PKR merupakan parti peneraju Kerajaan Negeri Selangor berbanding lima responden yang masih percaya BN masih lagi mentadbir dan dua tidak pasti.

Tinjauan pendapat dalam laporan 'Kaji Selidik Sokongan Masyarakat DUN Ijok Terhadap Kerajaan PR Selangor' dibuat secara rambang dengan melibatkan seramai 47 orang responden daripada pelbagai latar belakang kaum, sektor pekerjaan dan sosio ekonomi sebagai sampel kajian.

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Prihatin dengan nasib dan masa hadapan rakyat Palestin, Kerajaan Negeri Selangor menyumbang RM-154 ribu (USD50,000) untuk membiayai pembinaan hospital di negara bergolak itu.

Sumbangan tersebut diserahkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kepada Menteri Kesihatan Gaza-Palestin, Dr Basem Naim dalam majlis makan malam sempena lawatan delegasi itu ke Selangor.

Ketika mengalu-alukan kedatangan Dr Basem, Abdul Khalid dalam ucapannya berharap semoga sumbangan itu menjadi permulaan yang baik ke arah itu.

"Ini mungkin tidak banyak dan tidak meliputi sepenuhnya keperluan bangunan hospital yang lengkap, tetapi kita berharap ia akan memberi satu permulaan yang baik ke arah itu," katanya dalam majlis yang diadakan di Hadramot Restaurant, Hotel Concorde di sini.

Kerajaan Negeri sumbang RM154 ribu bina Hospital Gaza

Di samping berharap hubungan dua hala Selangor-Palestin dapat diperkukuhkan, Abdul Khalid juga menyatakan sokongan penuh terhadap usaha kerajaan Palestin untuk membangunkan negaranya.

"Selangor menyokong usaha membangunkan negara Palestin dan mengukuhkan hubungan dua hala serta membina masa depan yang lebih baik untuk semua rakyat Palestin," katanya lagi.

Sementara itu, Dr Basem pula berkata, selain mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, beliau turut melahirkan keyakinan masyarakat di Malaysia, khususnya di Selangor akan terus membantu untuk memenuhi dana pembinaan hospital di Palestin.



Pimpinan Kerajaan Negeri serta NGO turut hadir meraikan rombongan Menteri Kesihatan Gaza-Palestin, Dr Basem Naim

"Saya percaya sumbangan ini akan mendorong pihak di sini termasuk NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) menyumbang untuk tujuan itu," katanya.

Beliau turut memberitahu, selain keperluan membina hospital, kerajaan Palestin turut berhadapan dengan masalah

membekalkan elektrik ke hospital-hospital yang menuntut kos tinggi.

Dalam majlis tersebut, turut mengiringi Dr Basem adalah Pengarah Hospital Shifa, Palestin, Dr Manhat A.K Hasan.

Majlis yang dihadiri kira-kira 70 tetamu itu antaranya

Exco-Exco Negeri Selangor, Dr Halimah Ali, Dr Xavier Jayakumar, Rodziah Ismail, Dr Yaakob Sapari, Dr Ahmad Yunus Hairi, Ronnie Liu, Teresa Kok dan Setiausaha Agung Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), Mohd Azmi Abd Hamid.

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin

Arfa'za Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir PENGARANG BERITA: Najib Hashim

PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afix Redzuan: afixredzwan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Helmy Dawi

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



DYMM Sultan Selangor, menerima cek replika daripada Dr Haron Din, yang mewakili bekas pelajar Kolej Islam Malaya

Majlis Raja-Raja naungi Universiti Islam Malaysia

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sesuai dengan kedudukannya sebagai pihak yang menjaga kepentingan Islam di negara ini, Majlis Raja-Raja Melayu berkenaan menubuhkan Universiti Islam Malaysia (UIM) yang bertaraf Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Lebih istimewa, ia dibina berteraskan dana dan harta wakaf bagi menyambung tradisi yang diperkenalkan pada tahun 1955 sebagai Kolej Islam Malaya.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, perkenan untuk menerima sumbangan wakaf daripada tujuh wakil dalam satu Majlis Penerimaan dan Penyerahan Dana Wakaf yang diadakan di Istana Kayangan di sini.

Pengerusi Majlis Universiti Islam Malaysia (Muim), Tan Sri Mohd Yusof Noor berkata, pemilihan Sultan Selangor untuk menerima dana adalah atas dasar menghormati jasa dan perkenan nenda baginda suatu waktu dahulu.

"Ini adalah penghormatan Muim kepada Kerabat Diraja Selangor, bagi pihak Almarhum Sultan Hisamuddin yang berkenan mewakafkan tanah dan istana baginda di Kampung Jawa, Klang, bagi pembinaan kampus pertama Kolej Islam Malaya pada tahun 1955," jelas beliau dalam satu sidang media selepas majlis tersebut.

Penyumbang dana wakaf terbesar ialah Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan dana sejumlah RM5 juta yang disampaikan wakilnya, Tun Ahmad Sarji.

Selain itu, dana wakaf juga disumbangkan Shahpadu Corporation Sdn Bhd dengan RM100,000, diwakili Shafiz Shahrani, bekas pelajar Kolej Islam Malaya berjumlah RM30,675, diwakili Datuk Dr Haron Din serta Waris dan Warga Petaling Jaya sebanyak RM17,000, diwakili Rashadah Khamis.

Turut beri sumbangan ialah Alumni Kolej Islam (Alkis) dengan jumlah sebanyak RM11,000 diwakili Datuk Sallehuddin Ishak, Persatuan Bekas Pelajar Kolej Islam Malaya (PBSkim) dengan RM10,000 disampaikan wakilnya, Datuk Abdul Manaf Ahmad serta bekas Ketua Pelajar Tahun 1975, diwakili Puzi Dahman dengan jumlah RM10,000.

Kampus yang menelan belanja sekitar RM 300 juta ini bertempat di Cyberjaya dan dijangka memulakan sesi akademik pertama pada tahun hadapan.

"Kursus pengajian yang ditawarkan bagaimana pun terhad kepada kursus di peringkat Sarjana dan PHD (Doktor Falsafah) sahaja, jadi kita jangkakan pelajar hanya sekitar 1,000 orang, bergantung kepada permohonan kelak," jelas Mohd Yusuf.

Lebih istimewa, ia dibina berteraskan dana dan harta wakaf bagi menyambung tradisi yang diperkenalkan pada tahun 1955 sebagai Kolej Islam Malaya

MENCORAK MASYARAKAT

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Pengiktirafan Badan profesional - Pelajar Cemerlang



PROGRAM YANG DITAWARKAN

- Tahun Asas Pengurusan KPT/JPS/(R/345/3/0172)/02/17
- Tahun Asas Teknologi Maklumat KPT/JPS/(R/482/3/0008)/08/16
- Tahun Asas Sains KPT/JPS/(KR7950)/03/17
- Program Asas untuk Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) KPT/JPS/(R/144/3/0003)/07/17

PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA DARI FAKULTI-FAKULTI BERIKUT:

- Fakulti Kejuruteraan
- Fakulti Perniagaan
- Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat
- Fakulti Sains & Bioteknologi
- Fakulti Bioperubatan & Sains Kesihatan
- Fakulti Komunikasi & Media

Senarai penuh program dan syarat kemasukan boleh didapati di www.unisel.edu.my

Maklumat lanjut, hubungi: **+603-5522 3435/3436/3535/3575**
admission@unisel.edu.my

Borang Permohonan [Pengambilan September 2012]

Nama :

Alamat :

No. K/P : No. Tel : E-mel :

Program : 1/
2/

(Sila sertakan salinan sijil akademik yang berkaitan)

Hantarkan ke : Pejabat Pemasaran dan Kemajuan, Universiti Selangor, Jalan Dikri A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor | Fax : 03-5522 3541 / 03-5510 9277



Antara tenaga penting Rumah Terbuka Parlimen Kota Raja yang sedang bertungkus-lumus memotong nasi himpit bagi menjamu kepada tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kota Raja

Pengerusi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat), Dr Shafie Abu Bakar, menyerahkan puisi yang dideklamasikannya 'Bahawa Kita Berjiwa Merdeka' kepada Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim pada Majlis Pelancaran Pameran Selangorku, Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan di Muzium Sultan Alam Shah. Hadir sama Exco Selangor, Dr Ahmad Yunus Hairi, Dr Yaakob Sapari, Dr Halimah Ali dan Teresa Kok



Penyelaras DUN Gombak Setia, Ustaz Salehuddin Nasir melawat lokasi-lokasi jalan yang baru diturap sekitar DUN Gombak Setia



Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Sunat 6 Syawal di Masjid Kampung Klang Gate. Kelihatan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib berbuka puasa bersama-sama penduduk



ALAS PERUT... kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), memulakan Program Gotong-Royong Perdana di Ibu Pejabat MBPJ dengan bersarapan nasi lemak terlebih dulu



Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian, memberi duit raya kepada kanak-kanak yang hadir di Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Parlimen Petaling Jaya Selatan



MESRA... Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar bersalaman dengan tetamu yang hadir pada Majlis Jamuan Aidilfitri di Pangsapuri Pantai Permai



MERAIKAN... kanak-kanak yang hadir sewaktu Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Taman Medan bergambar kenangan bersama Haniza Talha



Adun Teratai, Jenice Lee, menyampaikan sumbangan kepada warga emas dan golongan yang memerlukan sewaktu Majlis Rumah Terbuka DUN Teratai

Aidilfitri dirai walaupun tanpa orang tersayang

Oleh MOHD EZLI MASHUT

PETALING JAYA - Menyambut Syawal tanpa orang tersayang di sisi merupakan saat yang paling hiba bagi anak-anak yatim, namun dengan persiapan ala kadar mereka pasrah menerima ketentuan takdir Ilahi.

Ini merupakan pengalaman yang diceritakan anak-anak yatim yang ditemui Selangor Kini pada Majlis Jamuan Hari Raya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini, baru baru ini.

Rata-rata mereka kelihatan mesra saat diraikan dalam suasana ceria sambil diberikan duit raya oleh Datuk Bandar MBPJ, Roslan Sakiman.

Bagi Mohd Faiz Shah (*gambar*), 15,



yang kehilangan ayah akibat penyakit kanser paru-paru, suasana hari raya yang diraikan seolah-olah tidak lengkap.

"Hari raya macam kurang sesuatu dan tidak berasa seronok. Kini segalanya digalas oleh ibu saya dalam menyediakan segala persiapan raya.

"Bila berpeluang pergi program rumah terbuka raya seperti ini, memang rasa seronok," katanya.

Mohd Fikri Shah, 13, berkata, beliau berasa sedih kerana persiapan yang biasa dilakukan setiap Syawal seperti memasak juadah raya dilakukan tanpa kehadiran ayahnya.

"Pada 1 Syawal saya menziarahi kubur ayah dan apabila menonton iklan anak yatim di televisyen itu, saya amat



Anak-anak yatim ini gembira menerima duit raya dan cenderahati daripada MBPJ

sedih," katanya.

Manakala bagi Norhaslina Johan, 14, beliau sudah merayakan Aidilfitri tanpa ayah sejak tujuh tahun lepas.

"Sedih sangat beraya tanpa ayah. Selepas ayah tidak ada, segala tanggungjawab dipikul oleh ibu dalam menyediakan segala persiapan hari raya," ujarnya.

Mohd Izwan Abdul Latif, 13, berasa Syawal kali ini amat berlainan daripada sebelumnya apabila baru sahaja kehilangan ayah.

"Suasana hari raya kurang rasa gembira. Kali ini raya bersama atuk di Banting.

"Persiapan raya kali ini kurang, manakala emak kena bekerja untuk menanggung keluarga. Jadi persiapan itu sederhana dan sekadar apa yang mampu sahaja," katanya.

Dalam majlis itu, seramai 100 anak yatim dari sekitar daerah Petaling Jaya menerima sumbangan duit raya daripada MBPJ dan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan.

Sambut baik operasi Mahkamah Alam Sekitar

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menerima baik pembentukan Mahkamah Alam Sekitar yang mula beroperasi pada minggu ini, kata Exco Selangor, Elizabeth Wong (*gambar*) menerusi kenyataan medianya.

Menurut Elizabeth, pihaknya sudah lama menyokong perkara ini kerana Kerajaan Negeri amat memerlukan mahkamah ini untuk menangani masalah alam sekitar di Selangor.

"Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar secara berkesan memerlukan hukuman yang pantas.

"Kegagalan berbuat demikian membolehkan pihak tertuduh terus menyanggah undang-undang alam sekitar sambil menunggu pendengaran

mahkamah,"ujarnya.

Elizabeth menambah, usaha Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan kerap diperlahankan oleh proses kehakiman yang mengambil beberapa tahun sebelum menghadapi perbicaraan.

Oleh demikian, Kerajaan Negeri menyambut baik kenyataan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Datuk Hashim Hamzah bahawa kes-kes alam sekitar perlu diselesaikan dalam masa enam bulan dari tarikh tertuduh dikemukakan di mahkamah.

"Walaupun bagaimanapun, kami berharap Mahkamah Alam Sekitar ini bukan sahaja akan mengambil alih kes-kes baru tetapi kes-kes yang masih belum selesai,"katanya.



Taman Janda 2 SEKINCHAN

Pembangunan Campuran di SEKINCHAN

<p>3 - Tingkat Banglo Luas Binaan (sq. ft.) : 5,191 Luas Tanah (sq. ft.) : 8,794 Harga : RM1,688,000.00 Diskaun : 7% untuk Bumiputra</p>	<p>3-Tingkat Kedai Pejabat Luas Binaan (sq. ft.) : 4,200 - 7,169 Luas Tanah (sq. ft.) : 1,400 - 2,347 Harga : RM830,000.00 - RM1,508,800.00 Diskaun : 10% untuk Bumiputra</p>	<p>3-Tingkat Semi-D Luas Binaan (sq. ft.) : 3,738 Luas Tanah (sq. ft.) : 3,000 - 3,961 Harga : RM830,000.00 - RM908,000.00 Diskaun : 7% untuk Bumiputra</p>
<p>2 1/2 - Tingkat Rumah Link Luas Binaan (sq. ft.) : 3,028 - 3,071 Luas Tanah (sq. ft.) : 1,540 - 3,143 Harga : RM530,000.00 - RM695,000.00 Diskaun : 7% untuk Bumiputra</p>	<p>2 - Tingkat Rumah Teres Luas Binaan (sq. ft.) : 2,153 - 2,404 Luas Tanah (sq. ft.) : 1,300 - 2,486 Harga : RM370,000.00 - RM485,000.00 Diskaun : 7% untuk Bumiputra</p>	<p>2 - Tingkat Rumah Bandar Luas Binaan (sq. ft.) : 1,065 - 1,145 Luas Tanah (sq. ft.) : 1,430 - 2,508 Harga : RM148,000.00 - RM248,000.00 Diskaun : 7% untuk Bumiputra</p>

Map Lokasi

Pemaju :
ALPHA INTAN SDN. BHD.
(Wholly Owned Subsidiary of JIALAND SDN. BHD.) Co. No. 33928-K

Kontraktor Utama :
JIALAND SDN. BHD.
嘉聯發展有限公司 Co. No. 336479-D (Formerly Known as SELOKA GAGAH SDN. BHD.)

Pejabat Jualan :
No. 40-B, Jalan Dutaik Sulaiman, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 603-7722 2966 / 9971 Fax : 603-7728 5998

Untuk pertanyaan, sila hubungi :
+603-3241 2996

En. Chow : 012-372 6198
Heng Soon : 016-626 7522

• No Lesen Pemaju : 11793-1/11 - 2016/1401 • Tempoh Sah : 18.11.2011 - 17.11.2016 • No Permit Iklan & Jualan : 11793 - 1/2454/2012 (11) • Tempoh Sah : 21.11.2011 - 20.11.2012 • Tarikh Dijangka Siap : Oct 2014
• Pagar Tanah : Pajakan 99 Tahun (Tempoh Tamat 23 Ogos 2110) • Bebanan Tanah : Dipajak Kepada Public Bank Berhad, Sekinchan (19.03.2009 - 18.03.2029) • No Rujukan Pelan Bangunan: MDSB OSC/A1201/2011 (PB)
• Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Sabak Bernam • Sekatan-sekatan Kepentingan : Tanah Yang Dibeli Milik Ini Tidak Boleh Diarah Milik, Dipajak, Atau Digada Melainkan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Harga Minimum : RM 148,000.00 • Harga Maksimum : RM 1,688,000.00 • Diskaun Bumiputra : 7% • Banglo 3 Tingkat : 1 unit, Rumah Berkembar 3 Tingkat : 15 unit, Rumah Link 2 1/2 Tingkat : 36 unit, Rumah Teres 2 Tingkat : 11 unit dan Rumah Bandar 2 Tingkat : 28 unit • Jumlah Unit : 92 unit

• No Lesen Pemaju : 11793-1/11 - 2016/1401 • Tempoh Sah : 18.11.2011 - 17.11.2016 • No Permit Iklan & Jualan : 11793 - 1/2454/2012 (11) • Tempoh Sah : 21.11.2011 - 20.11.2012 • Tarikh Dijangka Siap : Oct 2014
• Pagar Tanah : Pajakan 99 Tahun (Tempoh Tamat 23 Ogos 2110) • Bebanan Tanah : Dipajak Kepada Public Bank Berhad, Sekinchan (19.03.2009 - 18.03.2029) • No Rujukan Pelan Bangunan: MDSB OSC/A1201/2011 (PB)
• Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Sabak Bernam • Sekatan-sekatan Kepentingan : Tanah Yang Dibeli Milik Ini Tidak Boleh Diarah Milik, Dipajak, Atau Digada Melainkan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Harga Minimum : RM 148,000.00 • Harga Maksimum : RM 1,688,000.00 • Diskaun Bumiputra : 7% • Banglo 3 Tingkat : 1 unit, Rumah Berkembar 3 Tingkat : 15 unit, Rumah Link 2 1/2 Tingkat : 36 unit, Rumah Teres 2 Tingkat : 11 unit dan Rumah Bandar 2 Tingkat : 28 unit • Jumlah Unit : 92 unit

Lebih 1,000 guru sertai Himpunan Pendidik Islam



Dr Halimah menyerahkan sijil anugerah Tokoh Pendidik Nusantara kepada Nik Aziz

SHAH ALAM - Himpunan Pendidik Islam 2012 yang diadakan di Dewan Universiti Selangor (Unisel) di sini, mendapat sambutan hangat apabila dianggarkan lebih 1,000 warga pendidik mengahdirinya.

Objektif himpunan tersebut bertujuan memberi pengiktirafan kepada golongan pendidik dan merapatkan hubungan antara golongan tersebut dengan masyarakat.

Dalam perhimpunan tersebut, beberapa warga pendidik dipilih menerima beberapa anugerah.

Antara tokoh yang menerima anugerah ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang dipilih sebagai penerima anugerah 'Tokoh Pendidik Nusantara'.

Selain itu, Nik Aziz turut menyampaikan ucapan dalam perhimpunan tersebut.

Nik Aziz berkata dalam ucapannya, selain guru yang ditugaskan mengajar di sekolah, golongan ibu bapa dan pemimpin turut memainkan peranan mereka sebagai guru kepada masyarakat.

"Namun begitu, sekalung

penghargaan yang sebenar-benarnya bagi dunia pendidikan yang harus diiktiraf adalah kepada ibu bapa kita semua.

"Ibu bapa merupakan pendidik yang pertama sebelum guru atau pensyarah bagi setiap umat manusia di atas muka bumi ini.

"Begitulah juga, dalam sesebuah negara, sudah tentu ada kerajaan dan pemimpinnya. Justeru pemimpin yang terdiri daripada Perdana Menteri, menteri dan Menteri Besar adalah pendidik.

"Oleh sebab itu, apabila Perdana Menteri rasuah, maka menjadi sebab untuk rakyat juga jadi perasuah. Inilah yang mustahak," katanya yang pernah menjadi guru sebelum memasuki politik.

Himpunan yang diadakan pada Sabtu baru-baru ini dianjurkan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Modal Insan Negeri Selangor, Dr Halimah Ali dengan kerjasama Persatuan Gerakan Kebangkitan Pendidik Kebangsaan (NGO Pendidik Malaysia) dan Mappis (Majlis Permuafakatan Pendidikan Islam Selangor).

Kompaktor sampah tepati spesifikasi

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menafikan dakwaan isu pembelian kompaktor sampah yang dikatakan tidak menepati spesifikasi sepatutnya.

Sebaliknya menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, setiap keputusan yang dibuat Kerajaan Negeri sentiasa dinilai.

"Saya difahamkan setiap aset yang dibeli anak syarikat Kerajaan Negeri, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) akan disemak, sama ada ia baik atau tidak," katanya dalam sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan penjawat awam, di SUK.

Beliau berkata, penambahan 50 kompaktor itu akan melancarkan urusan kutipan sampah di 12 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Abdul Khalid turut menyelar dakwaan yang mengatakan pembelian kompaktor baru itu menecah RM14.5 juta.

Katanya, kompaktor yang dibeli itu adalah berpatutan dan



Kompaktor sampah baru untuk disewa kontraktor daripada PBT

harganya kurang daripada RM-240,000.

"Kita beli kompaktor baru itu kerana kompaktor lama yang ditinggalkan Alam Flora sudah digunakan 15 tahun lalu. Jadi untuk menjamin pengurusan sampah cepat, kita beli baru.

"Dan saya difahamkan, KDEB sudah menandatangani kontrak pembelian itu," katanya.

Sementara itu, mengulas lanjut

isu air percuma, Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri sedia maklum bahawa pemberian percuma hanya diberikan kepada penghuni yang mempunyai meter individu.

"Oleh kerana itu, saya sudah memaklumkan bahawa penghuni supaya cepat menukarkan meter pukal kepada meter individu supaya dapat menikmati pemberian ini," katanya.

FAZA 2 DIBUKA UNTUK JUALAN

idaman hills
where dreams become reality

HAK MILIK KEKAL
Unit Bumiputera yang Terhad
Kediaman Bergagah dan Berpengawal

SATU REALISASI IMPIAN

Kediaman mewah eksklusif pagagan bebas rumah berkembar dan sesebuah di Idaman Hills ini dikelilingi oleh keaslian alam semulajadi dan merimbun kehijauan. Berserta deruan jernih air sungai yang mengalir, Idaman Hills juga berlatar belakangkan keindahan Hutan Simpan Bukit Lagong. Kediaman densiti rendah bergagah dan berpengawal ini mampu menyediakan persekitaran yang aman dan damai seperti yang anda impikan.

KUNJUNGI PEMBUKAAN RUMAH CONTOH KAMI SEKARANG

TEMPAT
Bukit Idaman Selayang (Sebelah balai padu)

MASA
9am - 5pm (Isnin - Sabtu)
10am - 4pm (Ahad)



Pemaju: Tiarf Tech Sdn Bhd 225445-K
A wholly owned subsidiary of Loh & Loh Development Sdn Bhd
19 & 21 Jln. Sri Hartamas 7, Timn. Sri Hartamas, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 603 6201 3888 Fax: 603 6201 2112

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
En. Kenneth (012 336 3899) / En. Joe (017 809 3899)
atau layari www.idamanhills.com.my

Fasa 1: Nombor Lesen Pemaju Pemukiman: 11283-1407-2018/NEI • Tempoh Sah: 15/07/2011 - 14/07/2011 • Nombor Persehahan dan Jualan: 11283-1208/2011/2010 • Tempoh Sah: 13/09/2011 - 13/09/2012 • Fasa 2: Nombor Lesen Pemaju Pemukiman: 11283-1407-2018/NEI • Tempoh Sah: 05/02/2011 - 04/02/2014 • Nombor Persehahan dan Jualan: 11283-1208/2011/2010 • Tempoh Sah: 05/08/2012 - 05/08/2013 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Selangor • No. Binaan: PBT Selangor: 002214/01, 002214/02, 002214/03, 002214/04 • Perancang: Tandi Pengarah Kanan • Tarikh: 14/08/2011 • 24 bulan dari tarikh pengajuan SPA • Bilangan: Ahsan Berhad • Jumlah Unit: Fasa 1 - 300 unit; Fasa 2 - 80 unit • 7% Diskaun untuk Pemilik • Jenis Rumah dan Harga Jualan: Fasa 1: Rumah Berbilahar 2 Tingkat (Jenis A1, A2 & B1) • Rumah Berbilahar 2 Tingkat (Jenis A2) (90 unit) • RM 799,000 (Mula) - RM 1,094,000 (Mula); Rumah Berbilahar 2 Tingkat (Jenis C) (40 unit) • RM 1,267,000 (Mula) - RM 1,990,000 (Mula); Rumah Berbilahar 2 Tingkat (Jenis B1, B2 & B3) (13 unit) • RM 1,391,000 (Mula) - RM 2,363,000 (Mula); Fasa 2: Rumah Berbilahar 2 Tingkat (Jenis A1) (90 unit) • RM 1,799,000 (Mula) - RM 2,395,000 (Mula); Jenis A2 (10 unit) • RM 1,799,000 (Mula) - RM 2,395,000 (Mula); Rumah Berbilahar 2 Tingkat (Jenis B1, B2 & B3) (13 unit) • RM 2,026,000 (Mula) - RM 2,907,000 (Mula)

Kerajaan Negeri cadang tambah muzium

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri ber-cadang untuk menambah lebih banyak muzium di beberapa daerah di Selangor bagi mengekalkan adat dan warisan Melayu supaya ia dapat dinikmati serta dihargai generasi akan datang.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, setakat ini terdapat lima buah muzium di Selangor, antaranya Muzium Daerah Sabak Bernam, Muzium Daerah Kuala Selangor, Muzium Institut Jugra, Muzium Sultan Alam Shah dan Muzium Klang.

Menurutnya, kesemua muzium ini akan melalui fasa penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan pembangunan adat Melayu, budaya serta warisan sejarah dikekalkan.

"Saya difahamkan DYMM Tuanku Sultan juga merancang untuk jadikan istana di Klang sebagai muzium dan dibuka untuk dilawati orang ramai. Kerajaan Negeri juga akan gantikan struktur bangunan muzium sedia ada supaya ia lebih ceria dan tidak lagi nampak uzur.

"Kesemua penambahbaikan ini bakal dilaksanakan tahun hadapan melalui Belanjawan Negeri yang akan di-



Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas), tertarik dengan barang-barang yang dipamerkan di Muzium Sultan Alam Shah

benteng November depan," katanya.

Abdul Khalid berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Pameran Selangorku, Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan di Muzium Sultan Alam Shah, dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Selangor, Dr Ahmad Yunus Hairi, Dr Yaakob Sapari, Dr Halimah Ali dan Teresa Kok.

Pemeran Selangorku yang julung-

julung kalinya diadakan ini memaparkan kelangsungan sejarah serta perjuangan generasi terdahulu membentuk Selangor, seterusnya menyumbang kepada kegemilangan ketamadunan rakyat negeri ini.

Pameran tersebut merupakan anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat), yang dipengerusikan Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar.

SMK Bandar Baru Ampang bantu cegah denggi

AMPANG - Seramai 30 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Ampang dipilih untuk menyertai Skuad Denggi anjuran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Skuad tersebut bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran sekolah sentiasa berada dalam keadaan bersih, supaya tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pelajar-pelajar tersebut juga akan membantu MPAJ melakukan pemeriksaan di rumah-rumah sekitar tepi sekolah sebelum dan selepas waktu persekolahan, kata Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr. Xavier Jayakumar.

Kawasan sekolah adalah lokasi pembiakan nyamuk aedes yang tertinggi selepas rumah terbengkalai dan kawasan kilang.

"Kawasan sekolah penting kerana anak-anak kita akan pergi sekolah mulai jam 6.30 pagi sehingga 7.30 pagi dan pada waktu itulah nyamuk aedes aktif," katanya.

Guru sekolah, Mogana Sudari berkata, beliau menyambut baik langkah MPAJ bersama pihak sekolah bagi mempergiatkan aktiviti mencegah wabak ini.

"Saya setuju program yang ini dan ia harus diteruskan ke sekolah-sekolah yang lain," katanya ketika ditemui di majlis pelancaran program tersebut di Pangsapuri Seri Nilam, Bandar Baru Ampang di sini, baru-baru ini.

Pada majlis yang sama, Dr Xavier turut melancarkan Skuad Combi bagi penduduk Pangsapuri Seri Nilam.

Dr Xavier berkata, terdapat 13 kes denggi dilaporkan bagi kawasan Ampang mulai Januari sehingga September 2012.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain.

Di samping itu, Dr Xavier berkata, kerajaan negeri akan menerbitkan risalah denggi di dalam pelbagai bahasa bagi mendidik pekerja-pekerja asing tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran dan mencegah pembiakan nyamuk aedes.



Sebahagian daripada pelajar dan penduduk yang terlibat dalam Skuad Denggi

PROGRAM 'JOM KERJA'

Anda sedang mencari pekerjaan? Anda wajib hadir !!!

TARIKH	TEMPAT
11 & 12 September 2012	Shah Alam
15 & 16 September 2012	Klang
29 & 30 September 2012	Ampang Jaya
2 & 3 Oktober 2012	Cheras
9 & 10 Oktober 2012	Bestari Jaya
13 & 14 Oktober 2012	Puncak Alam
16 & 17 Oktober 2012	Gombak

MASUK PERCUMA

ONLINE di laman web jomkerjaselangor.com atau SMS<nama><tarikh program>ke **019-206 9492** (En. Imran) Pejabat **03-4106 4681**

UNTUK MENDAFTAR

Find us on: [facebook.com/jomkerjaselangor](https://www.facebook.com/jomkerjaselangor) jomkerjaselangor.com

ANJURAN: EXCO PENDIDIKAN, PENDIDIKAN TINGGI & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MPK lancar operasi zon tunda

Oleh AFIX REDZUAN

KLANG - Bagi mengatasi masalah kesesakan di bandar Klang, Majlis Perbandaran Klang (MPK), menjalankan operasi zon tunda baru-baru ini.

Selain mengatasi kesesakan, ia juga bertujuan mendidik masyarakat supaya lebih berdisiplin, terutama dalam aspek meletakkan kenderaan di tempat yang sesuai tanpa perlu mengganggu perjalanan trafik.

Pembantu Penguatkuasa Kanan MPK, Rizal Md Yusof (*gambar*) berkata, sebelum ini terdapat banyak rungutan daripada orang awam mengenai kesesakan di Jalan Tengku Kenanga, ekoran sikap pemilik kereta yang meletakkan kenderaan bertindih di jalan utama.



Menurutnya, dari Mac hingga Ogos tahun ini, sebanyak 269 buah kenderaan ditunda.

"Alhamdulillah... operasi berjalan dengan jaya, di mana sedikit sebanyak mendidik masyarakat dan melancarkan perjalanan trafik di kawasan Klang.

"Petugas kita menjalankan tugas dengan baik, tidak ada sebarang kecacatan dan kerosakan pada objek yang ditunda.

"Kereta yang ditunda kita simpan di kawasan berpagar dan selamat serta dikawal 24 jam. Setakat ini masalah (rungkutan) itu tiada," katanya.

MPK menyediakan 300 ruang tempat meletak kereta di hadapan Padang Ceti meman-

dangkan Jalan Tengku Kelana menjadi tumpuan pengunjung. Jelas beliau, orang awam banyak membantu MPK terutama dalam memaklumkan kepada pemilik bahawa kenderaan mereka ditunda MPK.

Selain kompaun, MPK turut bekerjasama dengan balai polis berhampiran bagi memudahkan urusan pemilik mengesan kenderaan mereka semula.

Kenderaan yang ditunda dikenakan saman dan denda maksimum RM300, manakala upah kos tundaan pada kadar RM100. Menurut Rizal, kadar RM300 tersebut bergantung kepada budi bicara pengarah undang-undang.

Dalam pada itu, orang awam yang ditemui menyambut baik langkah MPK yang dilihat sebagai satu usaha melancarkan lagi perjalanan trafik di Klang.



MPK tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas kenderaan yang mengganggu kelancaran lalu lintas

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
www.mpklang.gov.my
Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825SMS: Taip
"MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3289 1439

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
www.mps.gov.my
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
www.mpseparang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
www.mbsa.gov.my
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
www.mpsj.gov.my
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
www.mbpj.gov.my
Tel: 03-79542020 (24-jam hotline)/ 03-79563544 (am)
SMS: Taip "MBPJADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213

.....Sri Putra Heights

PEGANGAN BEBAS

CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR UNTUK MEMBINA:

- 36 UNIT RUMAH TERES 3 TINGKAT (20' X 65')
- 91 UNIT RUMAH TERES 3 TINGKAT (20' X 60')

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

TIMBERION SDN BHD (716277-D)

Tel : **06-7679418** or **06-7679353**

No. Lesen Pemaju : 11241-01/06/2013/673 • Tempoh Sah : 16/6/2012 - 15/6/2013 • No. Permit Iklan & Jualan : 11241-1/901/2013(04) • Tempoh Sah : 23/4/2012 - 22/4/2013 • Jenis Pegangan Tanah : Kekal/Bebas • Bebanan Tanah : Charged to UOB Bank • Tarikh Dijangka Siap : April 2013 • Harga Min : RM430,000.00 • Harga Max : RM 848,000.00 • Bil Unit : Rumah Teres 3 Tingkat 20'x65'- 36 units Rumah Teres 3 Tingkat 20'x60' - 91 Units • Baki Unit Yang Belum Dijual : 51 Units • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan : Majlis Perbandaran Selayang • No. Rujukan Plan : Bil(10) DLM.MPS 09/3/8/1068(RT)



MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau
03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rangkaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan
Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3,
Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau
03-55110659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (QSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza
Perangas, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

SKIM KESIHATAN WANITA
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web <http://www.mimbarselangor.org>

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829
Laman Web <http://www.skimsel.com>

PUSAT DIALISIS RAKYAT
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

PUSAT TUISYEN RAKYAT
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543 Faks: 03-55104095/ 55135564/
55447391
Blog <http://tuisyenrakyat.blogspot.com>



TAHNIAH... DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menyampaikan hadiah kepada jaguh Thailand, Thaworn Wiratchant, yang muncul juara dalam pertandingan golf Worldwide Selangor Masters 2012. Beliau yang mendapat mata 66-69-68-69, mengalahkan 165 pemain dan menerima hadiah wang berjumlah RM190,200 serta piala

Tingkatkan kemudahan infrastruktur kilang



KERJASAMA... Menteri Besar bergambar dengan Ahli Persatuan Pekilang-Pekilang Telok Gong

KLANG - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim akan mengadakan perbincangan bersama persatuan pekilang-pekilang di negeri Selangor bulan depan bagi menambah baik infrastruktur kilang-kilang terlibat.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan infrastruktur kilang-kilang, seiring dengan bayaran premium yang dibayar pengusaha kilang kepada Kerajaan Negeri.

"Kita mempunyai semua rekod bayaran premium pekilang-pekilang selama empat tahun lalu dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk kembalikan bayaran tersebut dalam bentuk peningkatan infrastruktur," katanya ketika me-

rasmikan sambutan Ulang Tahun Ke-12 Persatuan Pekilang-Pekilang Telok Gong (PPTG) di SJK (C) Kong Hoe, Klang, baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram, Ean Yong Hien Wah, Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago dan Presiden PPTG, Wong Soh Seng serta ahli-ahli PPTG.

Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong pekilang-pekilang di negeri ini dalam melakukan penyelidikan dan peningkatan kualiti supaya sentiasa mengeluarkan produk yang terbaik untuk bersaing di dalam dan luar negeri.

Katanya, perusahaan kecil dan sederhana menyumbang 27

peratus daripada sektor pembuatan di negara ini, selain turut menyumbang 40 peratus peluang pekerjaan di Malaysia.

"Perusahaan kecil dan sederhana merupakan tulang belakang kepada pergerakan peningkatan industri pembuatan di Malaysia dan Telok Gong merupakan contoh kepada keadaan tersebut," katanya lagi.

Selain itu, matlamat PPTG yang ditubuhkan pada tahun 2001 ini adalah bagi memastikan operasi pengeluaran kilang-kilang berkeadaan baik, membantu mendapatkan sijil layak menduduki bangunan (CF), selain menyelesaikan proses pemutihan kilang-kilang haram di kawasan ini.

Oleh AFIQ REDZUAN

BANGI - Prihatin dengan kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) tampil membina rumah kos rendah yang mesra dengan golongan berkenaan.

Sebagai permulaan, ia terletak di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, sebanyak empat unit rumah dibina khas untuk OKU dan konsep ini mendapat pujian daripada Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Abdul Samad.

Beliau yang ditemui selepas mengadakan lawatan ke tapak bagi melihat perkembangan projek ini berkata, idea ini akan digunakan untuk beberapa projek perumahan mampu milik yang akan dibina kelak.

"Tahniah saya ucapkan kepada PKNS dan pihak arkitek kerana memikirkan konsep ini dengan menampilkan beberapa kemudahan kepada OKU.

"Reka bentuk di sini lebih luas berbanding rumah kos rendah. Terdapat balkoni bagi setiap rumah serta disediakan tempat santai dan berkumpul untuk orang ramai di tingkat atas," katanya.

Tambahnya, setakat ini Kerajaan Negeri masih berbincang untuk memperuntukkan beberapa unit rumah kepada OKU da-

PKNS bina rumah mampu milik mesra OKU



Iskandar dibawa melawat ke tapak projek pangsapuri yang dibina khas untuk OKU

lam projek perumahan akan datang.

Konsep ini sebenarnya difikirkan hasil perbincangan secara menyeluruh melibatkan pihak Kerajaan Negeri, pemaju dan swasta.

Projek pangsapuri enam tingkat di Seksyen 6, Bandar Baru Bangi ini mempunyai 124 unit rumah, dimulakan pada 2011 dan dijangka siap pada Februari 2013.

Setakat ini, kerja-kerja pembinaan siap 55 peratus. Kos pembangunan projek ini ditanggung sepenuhnya PKNS dengan keluasan 700 hingga 800 kaki persegi (kps) dan ia terletak di atas tanah pegangan bebas.

Harga jualan bagi seunit pangsapuri ini dalam lingkungan RM60,000 hingga RM99,000 dan dijangka tidak melebihi RM150,000.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
14 - 21 SEPTEMBER 2012							
27 SYAWAL - 5 ZULKAEDA 1433							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
14 Jumaat	5:39	5:49	7:05	1:12	4:12	7:15	8:24
15 Sabtu	5:39	5:49	7:05	1:11	4:12	7:14	8:23
16 Ahad	5:39	5:49	7:05	1:11	4:13	7:14	8:23
17 Isnin	5:39	5:49	7:04	1:10	4:13	7:13	8:22
18 Selasa	5:38	5:48	7:04	1:10	4:13	7:13	8:22
19 Rabu	5:38	5:48	7:04	1:10	4:13	7:12	8:21
20 Khamis	5:38	5:48	7:04	1:09	4:14	7:12	8:21
21 Jumaat	5:38	5:48	7:03	1:09	4:14	7:11	8:20

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
14 Jumaat	5:41	5:51	7:07	1:14	4:14	7:17	8:26
15 Sabtu	5:41	5:51	7:07	1:13	4:14	7:16	8:25
16 Ahad	5:41	5:51	7:07	1:13	4:15	7:16	8:25
17 Isnin	5:41	5:51	7:06	1:12	4:15	7:15	8:24
18 Selasa	5:40	5:50	7:06	1:12	4:15	7:15	8:24
19 Rabu	5:40	5:50	7:06	1:12	4:16	7:14	8:23
20 Khamis	5:40	5:50	7:06	1:11	4:16	7:14	8:23
21 Jumaat	5:40	5:50	7:05	1:11	4:16	7:13	8:22



Banteras iklan premis warga asing langgar peraturan

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengadakan operasi menanggal dan menurunkan papan iklan di premis perniagaan yang dikhususkan untuk warga asing yang tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

Dalam operasi bermula awal pagi itu, sebanyak 26 premis perniagaan dikesan melakukan kesalahan berkaitan papan iklan dengan lebih mengutamakan bahasa ibunda mereka seperti Bahasa Myanmar, Nepal, Vietnam, Bangladesh dan sebagainya.

Pemangku Yang Dipertua MPK, Ehsan Mukri berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu akan menjalankan pemantauan dan operasi secara berterusan supaya masalah seperti itu dapat dikawal daripada berleluasa.

Menurutnya, kebanyakan premis perniagaan ini dimiliki pema-
tutin tetap negara ini dan memiliki lesen perniagaan yang sah.

Beliau berkata, kewujudan

premis perniagaan untuk warga asing memang banyak di Klang kerana kebanjiran golongan tersebut yang ramai berikutan peluang pekerjaan yang besar.

"Berdasarkan peraturan, pengusaha premis perniagaan perlu membuat papan iklan dengan menggunakan Bahasa Melayu dengan bahan dan saiznya yang lebih besar, iaitu melebihi 30 peratus berbanding bahasa lain.

"Malangnya perkara ini tidak berlaku dan kebanyakan premis perniagaan ini lebih mementingkan bahasa ibunda mereka, manakala kita menghadapi masalah kerana tidak memahaminya. Ada antara premis ini yang beroperasi tidak mengikut lesen perniagaan seperti pasar mini bertukar menjadi kedai serbaneka," katanya kepada media, baru-baru ini

Operasi tersebut ditumpukan di sekitar Jalan Raja Hasan, Jalan Pos Baru dan Lorong Kepayang.

TAMAN PARI

SUNGAI BULOH

KEDAI PEJABAT
2 TINGKAT
20' x 70'

BUMIPUTERA LOT SAHAJA

SIAP PADA
AKHIR TAHUN 2012

SIILA HUBUNGI SEKARANG

03-3289 1313

03-3289 8827

PEMAJU:

LEGACY WAY DEVELOPMENT SDN BHD (846331-K)
No. 26 & 28 Jalan Medan Niaga 4, Medan Niaga Kuala Selangor,
45000 Kuala Selangor.



Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Tanah Selangor yang diberikan kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) tetapi tidak digunakan untuk operasi rel akan kekal menjadi hak milik negeri.

Perkara ini dinyatakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika mengulas rancangan Kerajaan Pusat untuk menswastakan KTMB kepada syarikat Malaysia Mining Corporation (MMC) kepunyaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

Ini termasuk tanah negeri yang pernah digunakan untuk tujuan perkhidmatan kereta api, tetapi tidak dirizabkan atau diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau diletakkan kepada Perbadanan Aset Keretapi.

"Kita juga tidak perlu untuk kaveat tanah itu kerana sememangnya ia milik Kerajaan Negeri.

"Rancangan tersebut akan mengakibatkan aset dan pegangan tanah milik KTMB yang dianggarkan bernilai RM50 bilion akan jatuh kepada MMC," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, di SUK.

MMC dikuasai jutawan Syed Mokhtar, yang mempunyai hubungan dengan pemimpin Umno-BN.

Tambah Abdul Khalid, tanah milik Selangor itu pada asalnya diberi kepada KTMB kerana agensi itu sebuah syarikat utiliti milik penuh di bawah Kerajaan Pusat.

Tanah KTMB tidak diguna kekal milik Selangor



MERIAH...

Amalan mengadakan rumah terbuka mempunyai banyak hikmah dan kelebihan, terutama sekali dalam menghubungkan dan merapatkan ikatan silaturahim sesama Islam. Kelihatan, Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi, melayan tetamu yang hadir sewaktu Majlis Hari Raya DUN Sijangkang, yang berlangsung di Padang Wawasan, Batu 9, Kampung Medan

Kita juga tidak perlu untuk kaveat tanah itu kerana sememangnya ia milik Kerajaan Negeri

**- ABDUL KHALID
Menteri Besar Selangor**

"Maka Kerajaan Negeri bimbang tindakan menswastakan KTMB, apatah lagi keputusan tersebut dibuat melalui runding terus akan menjadikan aset-aset milik rakyat jatuh ke tangan pihak swasta," katanya.

Apabila dihubungi, pihak KTMB tidak mahu sebarang

maklum balas mengenai keputusan Kerajaan Negeri berkenaan.

Ketika dihubungi Selangor Kini, bahagian perhubungan awam KTMB memaklumkan, pihaknya menerima arahan daripada pihak pengurusan atasannya untuk tidak memberi seba-

rang komen berhubung isu itu buat masa ini.

"Kami menerima arahan untuk tidak memberi sebarang komen berhubung isu itu yang melibatkan penswastakan KTMB," kata Pegawai Perhubungan Awam yang hanya mahu dikenali sebagai Nor Mashitah.

Untuk informasi & berita terkini
Layari www.selangorku.com

mediaselangorku

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO